

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RPK 451 Ekonomi Bandar dan Wilayah

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Mengapakah perlunya anda mempelajari ekonomi bandar dan wilayah?

(b) Tuliskan nota ringkas berkenaan dengan DUA daripada tajuk-tajuk berikut:

(i) Ekonomi Perkelompokan

(ii) Peraturan Rank-Saiz

(iii) Teori Petempatan Pusat

(25 Markah)

2. Sejauh manakah Teori Asas Ekonomi dapat menerangkan pertumbuhan wilayah?

(25 Markah)

3. (a) Bandingkan dan bezakan pendekatan 'Khutub - Pertumbuhan' dengan pendekatan 'Agropolitan' dalam pembangunan wilayah.

(b) Pendekatan pembangunan manakah yang lebih sesuai bagi negara kita dan mengapa?

(25 Markah)

... 2/-

4. Berikut ialah jumlah pendapatan (dalam ribu juta ringgit) bagi sebuah kawasan kajian yang terletak dalam Negara ini bagi tempoh 1985-90.

Sektor	Tahun	Kawasan Kajian		Negara	
		1985	1990	1985	1990
A		16	20	80	90
B		14	30	70	110
Jumlah		30	50	150	200

- (a) Berdasarkan kepada data-data di atas, jelaskan pertumbuhan ekonomi kawasan kajian bagi tempoh 1985 - 90 dengan menggunakan kaedah analisis syif-syer.
- (b) Bincangkan kelemahan analisis syif-syer sebagai alat analisis pertumbuhan wilayah.
- (25 Markah)
5. Bincangkan kebenaran kenyataan bahawa proses pembandaran di Negara kita tidak boleh diterangkan oleh model Barat yang berdasarkan perindustrian.
- (25 Markah)
6. Analisis Input-Output boleh diterangkan melalui model berikut:

$$AX + D = X$$

- (a) Huraikan model Input-Output tersebut di atas.
- (b) Jelaskan bagaimana model Input-Output itu digunakan untuk membuat unjuran serta mengesan impak ekonomi di sesebuah kawasan.

(25 Markah)

...3/-

7. Perhatikan kenyataan di bawah ini dan jawab soalan-soalan berikutnya:

"Satu dimensi penting pembangunan seimbang ialah mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi yang wujud antara wilayah dan negeri di Malaysia di samping meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk di negeri-negeri yang kurang maju supaya lebih setanding dengan negeri-negeri maju."

(Rancangan Malaysia Keenam, 1991 : 55)

- (a) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan ketidakseimbangan wilayah itu.
- (b) Dengan menggunakan satu contoh yang anda ketahui, bincangkan keberkesanan rancangan Kerajaan untuk mengurangkan ketidakseimbangan itu.

(25 Markah)

8. Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara penting yang perlu dipertimbangkan untuk mewujudkan dasar perumahan negara? Bincangkan bagaimana perkara-perkara ini dapat mengurangkan masalah perumahan di negara kita.

(25 Markah)

-00000000-